



**"ULAMA DAN ILMU".1**

<p>اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: اِنَّمَا يَخْشَى اللّٰهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ اِنَّ اللّٰهَ عَزِيزٌ غَفُوْرٌ ﴿٢٨﴾</p>	2
<p>اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ ۚ اَجْمَعِيْنَ</p>	3
<p>اَمَّا بَعْدُ، فَيَا اَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ! اِتَّقُوا اللّٰهَ! اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهٖ ۚ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan beristiqamah dalam melakukan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala apa yang ditegah oleh-Nya. Semoga dengan keimanan yang teguh kita akan mendapat keredhaan Allah SWT, seterusnya menjadi hamba-Nya yang berjaya di dunia dan juga di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>"ULAMA DAN ILMU."</b></p> <p><b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b></p>	6
<p>Jika ditelusuri sejarah, kita akan dapat menyaksikan usaha para ulama silam menyampaikan dakwah kepada seluruh manusia mengenai ajaran Islam dengan berpandukan kepada al-Quran, al-sunnah Rasulullah SAW, al-ijmak dan al-Qias. Dalam konteks negara kita, para ulama yang kebanyakannya datang dari tanah besar Arab membawa bersama ajaran Islam untuk disebar. Amalan-amalan yang berunsur syirik dan khurafat yang telah sebatikan dalam masyarakat telah dapat dimurnikan hasil usaha keras mereka.</p>	7



<p>Dalam Islam, ulama berada pada kedudukan yang mulia kerana mereka bertanggungjawab menerangkan apa yang baik dan buruk, benar dan salah, boleh dan yang tidak boleh dilakukan. Apa yang disampaikan oleh mereka kesemuanya tidak terkeluar daripada dua rujukan terpenting umat Islam iaitu al-Quran dan al-sunnah Rasulullah SAW.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	8
<p>Seseorang yang bergelar ulama terdiri daripada kalangan mereka yang pakar dalam ilmu-ilmu Islam. Menurut Kamus Dewan, ulama bermaksud orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam. Manakala dalam Islam, Mereka menguasai ilmu-ilmu dalam Islam seperti tafsir, hadis, tauhid, fiqh, fiqh semasa, tasawuf, qiraat dan sebagainya. Antara ulama yang boleh dijadikan contoh adalah Imam al-Ghazali yang terkenal dengan gelaran Hujjatul Islam. Beliau menguasai pelbagai ilmu seperti fiqh, usul fiqh, tasawuf, ilmu kalam dan sebagainya.</p>	9
<p>Disebabkan penguasaan ilmu dan istiqamahnya amalan mereka, maka merekalah yang berada dalam golongan yang bertaqwa dan sentiasa berasa takut dan bimbang untuk melanggar segala perintah Allah SWT.</p>	10
<p>Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Fatir ayat 28 yang telah dibacakan di awal khutbah ini yang bermaksud:</p> <p><i>“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.”</i></p>	11



<p>Rasulullah SAW juga ada menjelaskan siapakah yang digelar ulama itu melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda' Radhiaallahu'anhu:</p> <p>إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَ بِهِ فَقَدْ أَخَذَ بِحَظِّ وَافِرٍ</p>	12
<p><i>Sesungguhnya ulama mewarisi para nabi, para nabi tidak mewariskan kepada mereka dinar dan dirham (harta benda), sesungguhnya hanyalah yang mereka wariskan adalah ilmu, maka barang siapa yang mendapatkan ilmu itu, sungguh dia telah mendapat keuntungan yang banyak."</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	13
<p>Pada masa kini, masyarakat umum termasuk segelintir umat Islam sudah mula berani untuk mempertikaikan peranan ulama. Golongan yang dikenali sebagai Islam Liberal dan Anti Hadis menolak warisan tradisi ulama silam. Bagi mereka cukup dengan penggunaan akal sahaja untuk menafsir al-Quran dan memahami ajaran-ajarannya. Tidak cukup dengan itu, mereka menuduh pula para ulama sebagai berbahaya bagi umat Islam kerana bersikap jumud. Golongan-golongan seperti ini perlu dijauhi supaya kita tidak hanyut dan tersesat dari jalan sebenarnya.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	14
<p>Ilmu yang diperolehi melalui pembacaan kemudian cuba untuk difahami secara sendiri bukanlah merupakan jalan yang terbaik dalam Islam. Penguasaan sesuatu ilmu hendaklah bersama dengan guru yang akan menerangkannya. Peranan guru amatlah besar lebih-lebih lagi dalam ilmu agama. Untuk mendapatkan ilmu yang betul, perlulah berguru dengan ulama yang betul. Ulama yang betul adalah ulama yang mempunyai ilmu yang muktabar dan diiktiraf oleh syariat.</p>	15



<p>Islam juga mengajar umatnya agar menghormati dan menjaga adab dengan seseorang yang bergelar ulama. Seseorang ulama dihormati kerana tingginya ilmu dan mendalamnya pengetahuan mereka tentang agama. Di antara adab-adab yang perlu dijaga adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Menerima teguran dan nasihat yang diberikan</li><li>2. Mendampingi mereka supaya memperoleh keberkatan ilmu</li><li>3. Menghindari sikap suka membantah, mempertikai atau melawan</li><li>4. Menghindarkan menutur kata-kata yang boleh menyinggung perasaan</li><li>5. Menurut arahan dan perintah selagi tidak bercanggah dengan syarak.</li></ol>	16
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Seorang Muslim yang baik adalah yang memahami dan menyedari betapa pentingnya pematuhan terhadap setiap arahan dan nasihat-nasihat yang diberikan oleh ulama dan pemerintah. Sebagai contoh di Selangor ini kewujudan pihak berkuasa Agama seperti Majlis Agama Islam dan Jabatan Mufti yang bernaung dibawah Sultan itu sendiri sebagai ketua Agama Islam adalah berperanan untuk mengawal umat Islam agar tidak terkeluar daripada landasan agama Islam berlandaskan kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apa sahaja perintah dan arahan Pihak Berkuasa Agama bagi memelihara dan mempertahankan kesucian agama Islam hendaklah dipatuhi oleh umat Islam.</p>	17
<p>Oleh itu, mana-mana orang yang menghina, mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah dan arahan Pihak Berkuasa Agama ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh diambil tindakan undang-undang berdasarkan Seksyen 12 dan 13 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	18



<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati dan ambil iktibar terhadap perkara-perkara berikut untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa ulama amat berperanan dalam memberikan kefahaman mengenai ajaran Islam berpandukan al-Quran dan al-sunnah kepada masyarakat.</li><li>2. Setiap muslim hendaklah tahu bahawa seseorang yang bergelar ulama adalah mereka yang menguasai ilmu-ilmu utama dalam Islam.</li><li>3. Umat Islam janganlah terpengaruh dengan golongan yang cuba mempertikai dan menolak peranan ulama dalam menyebarkan dakwah.</li><li>4. Umat Islam hendaklah sentiasa merujuk ulama-ulama yang muktabar untuk memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan lebih baik dan sempurna.</li></ol>	19
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَسْأَلُوْا اَهْلَ الذِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٤٣﴾</p>	20
<p><i>“Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Nahl : 43).</i></p>	21



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	22
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	23



## KHUTBAH KEDUA


<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	7
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8



Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudarut dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.	9
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.	15





<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَطَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21
	22



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدُكُرْكُمُ وَأَشْكُرُوهُ ۗ إِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ كَثِيرَةٌ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24